



KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

TERMA DAN SYARAT PERTANDINGAN VIDEO KREATIF SEMPENA KEMERDEKAAN KE-68

1. Penyertaan terbuka kepada **semua murid sekolah rendah** (Kebangsaan dan Jenis Kebangsaan).
2. Penyertaan secara **individu atau berkumpulan** (maksimum 3 orang untuk satu kumpulan). Pendaftaran penyertaan perlu menggunakan nama sekolah.
3. Setiap sekolah boleh menghantar **maksimum 3 penyertaan sahaja**.
4. Video yang dihasilkan haruslah bertemakan :-

“Malaysia MADANI : Rakyat Disantuni”

5. Pertandingan **bermula** pada **29 Julai 2025 hingga 29 Ogos 2025** sebelum jam 11.59 malam. Karya yang dimuatnaik selepas tempoh tersebut tidak akan diambil dikira.
6. **Tempoh penilaian** juri akan berlangsung pada **1 September 2025 dan 2 September 2025**.
7. Peserta perlu mengisi **borang penyertaan** dan **memuat naik video pertandingan secara dalam talian** di laman web pertandingan.in.mbip.my.
8. Kreativiti sangat digalakkan seperti animasi ringkas, sketsa, montaj, puisi video, vlog, dan lain-lain.
9. Video perlulah hasil kreativiti tersendiri dan tidak plagiat, mengandungi hak cipta orang lain atau unsur yang :
 - **Menyinggung perkauman, agama atau politik**
 - **Mengandungi bahasa kasar, lucah atau keganasan**
10. Bahasa yang digunakan untuk penyampaian haruslah **Bahasa Melayu**.
11. Karya yang dihasilkan haruslah **tidak melebihi 1-3 minit**.
12. Format video berbentuk MP4 beserta nama dan nama sekolah (nama_namasekolah.MP4)
13. **10 penyertaan terbaik** akan dipilih sebagai **finalis**.
14. Finalis perlu **membuat pembentangan** mengenai video masing-masing pada hari Pengumuman Pemenang bertarikh **9 September 2025** bertempat di **Majlis Bandaraya Iskandar Puteri (MBIP)**.
15. Pembentangan boleh dilakukan oleh wakil kumpulan (jika berkumpulan), dengan durasi maksimum **5 minit setiap pembentangan**.
16. Sebagai tanda penghargaan, e-sijil akan diberikan kepada semua peserta yang tidak berjaya memasuki senarai 10 finalis terbaik.
17. **Kriteria pemarkahan** adalah seperti berikut :
 - Penghayatan Tema - 30%
 - Kreativiti dan Inovasi - 25%
 - Kualiti video dan suntingan - 20%
 - Mesej dan impak - 15%
 - Penyampaian dan kesesuaian - 10%
18. Hasil rekaan adalah hak milik penganjur dan **keputusan juri adalah muktamad**. Sebarang rayuan tidak akan diterima.
19. Sekolah yang layak ke peringkat akhir akan dihubungi selepas dari tarikh penilaian tamat.